

**KONSEP SULH DALAM ISLAM DAN PELAKSANAANNYA DALAM SISTEM
PERUNDANGAN SYARIAH DI MALAYSIA**

***THE CONCEPT OF SULH IN ISLAM AND ITS APPLICATION UNDER THE SYARIAH
LEGAL SYSTEM IN MALAYSIA***

^{i,ii}*Hasnizam Hashim, ^{i,ii}Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ^{i,ii,iii,iv}Ahmad Syukran Baharuddin, ^{i,ii}Lukman Abdul Mutalib,
^{i,ii}Zulfaqar Mamat, ^{i,ii}Mohamad Aniq Aiman Alias, ⁱNorman Zakiyy & ^vNorma Jusof

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱInternational Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

^{iv}Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

^vKementerian Pendidikan Malaysia

*Corresponding Author: hasnizam@usim.edu.my

ABSTRACT

The implementation of *sulh* in Islam plays a significant role in resolving disputes amicably without the need for lengthy trial processes. History has shown that *sulh* has been practiced in the Malay world since before independence and continues to be implemented until today. As one of the conflict resolution mechanisms encouraged in Islam, there is a significant need to study and improve its implementation over time to ensure it consistently achieves its intended objectives. This study aims to elucidate the concept of *sulh* in Islam, the definition of *sulh* and the *Majlis Sulh* (conciliation council), the evidence supporting its legislation, examples of *sulh* cases in practice, the essential elements (pillars) of *sulh*, and its application within the Syariah legal system or in the Syariah Court in the country. To achieve these objectives, the researcher employed a qualitative approach through document analysis. The data obtained is presented thematically. The findings indicate that the current implementation of *sulh* under the Syariah legal system or in the Syariah Court, while primarily involving the resolution of disputes in Islamic family law, is still guided by systematic procedures and regulations. Nevertheless, there is still potential for enhancement and for broadening the scope of its application over time.

Keywords: *Sulh, Islamic law, Syariah judiciary department, Syariah court*

Abstrak

Pelaksanaan *sulh* dalam Islam memainkan peranan penting dalam menyelesaikan pertikaian secara damai tanpa perlu melalui proses perbicaraan yang panjang. Sejarah telah memperlihatkan bahawa *sulh* telah dilaksanakan di alam Melayu sejak sebelum merdeka lagi sehinggalah ke hari ini. Sebagai salah satu mekanisme penyelesaian konflik yang dianjurkan dalam Islam, terdapat keperluan bagi mengkaji dan menambah baik pelaksanaan *sulh* dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya sentiasa mencapai matlamat yang dikehendaki. Kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan konsep *Sulh* dalam Islam, takrifan *sulh* dan Majlis *Sulh*, dalil-dalil pensyariaan *sulh*, beberapa contoh kes pelaksanaan *Sulh* dalam Islam, rukun-rukun *Sulh*, serta melihat pelaksanaannya di bawah sistem perundangan syariah atau di Mahkamah Syariah di negara ini. Bagi mencapai objektif tersebut, penyelidik telah menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen. Data yang diperoleh kemudiannya akan dipersembahkan dalam bentuk subtema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *sulh* di bawah sistem perundangan syariah negara atau di Mahkamah Syariah pada ketika ini, walaupun hanya membabitkan penyelesaian pertikaian dalam aspek undang-undang keluarga Islam, tetap dipandu oleh tatacara dan perundangan yang sistematik. Namun demikian, masih wujud ruang bagi menambah baik dan memperluaskan skop pelaksanaannya dari semasa ke semasa.

Kata Kunci: *Sulh, perundangan Islam, perundangan syariah di Malaysia*

Pengenalan

Pertikaian atau konflik yang berlaku dalam kehidupan seharian manusia merupakan lumrah kehidupan. Konflik terjadi apabila berlaku ketegangan atau masalah di antara individu dengan individu lain berpunca daripada pelbagai faktor. Dalam menyelesaikan konflik dan pertikaian yang berlaku, Islam telah mendatangkan beberapa kaedah utama yang di dalam istilah modennya dikenali sebagai *Alternative Dispute Resolution* (ADR). Walaupun ADR ini ada yang menganggapnya sebagai konsep yang berasal dari Barat, namun pada hakikatnya ianya bukanlah suatu yang asing daripada ajaran dan perundangan Islam (Kamal Halili Hassan, 2010).

Islam sangat mementingkan keadilan dan ia wajib dilaksanakan dalam apa jua keadaan. Dalam usaha menyelesaikan pertikaian secara adil secara adil, hakim hendaklah bermula dengan usaha menggalakkan pihak-pihak yang bertikai supaya mencari jalan penyelesaian secara damai (Abdul Hak, 2007). Oleh yang demikian, *sulh* sangat dianjurkan dalam Islam sebagai salah satu kaedah dalam menyelesaikan pelbagai konflik baik konflik yang berlaku dalam hubungan sesama keluarga, masyarakat malah dalam hubungan antara negara (Raihanah Azahari, 2008). Kaedah ini amat dianjurkan oleh perundangan Islam kerana ia bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah dan konflik tetapi yang lebih penting ialah ia dibuat dalam suasana yang harmoni, mesra dan tidak meninggalkan dendam kepada pihak-pihak yang berkonflik. Penyelesaian melalui proses litigasi di mahkamah bukanlah pilihan terbaik terutamanya apabila sesuatu konflik dan pertikaian melibatkan isu-isu kekeluargaan seperti kes perceraian, tuntutan nafkah, hadhanah, harta sepencarian dan tuntutan lain selepas perceraian kerana terdapatnya hubungan kekeluargaan (Adzidah Yaakob et al., 2016). Dalam sistem perundangan syariah di Malaysia, *sulh* lebih tertumpu pemakaiannya kepada penyelesaian kes-kes perbalahan dan pertikaian berkaitan dengan kekeluargaan seperti diperuntukkan di dalam Akta atau Enakmen Perundangan Islam Negeri-negeri.

Berlatarbelakangkan pengenalan ini, perbincangan penulisan akan ditumpukan kepada konsep *Sulh* dalam perundangan Islam yang merangkumi definisi *Sulh* dan Majlis *Sulh*, dalil-dalil pensyariaan *sulh* dalam Islam, beberapa contoh kes pelaksanaan *Sulh* dalam Islam dan rukun-rukun *Sulh*. Perbincangan juga akan melihat kepada pelaksanaan *sulh* di alam Melayu sejak sebelum merdeka dan pelaksanaannya selepas kemerdekaan khususnya di bawah perundangan syariah negara atau di Mahkamah-mahkamah Syariah. Melalui penerangan yang dibuat, adalah diharapkan bahawa masyarakat Islam lebih memahami bahawa *sulh* adalah merupakan sebahagian daripada anjuran Islam dan ianya dilaksanakan di bawah sistem perundangan syariah negara pada ketika ini secara tersusun walaupun dalam skop yang lebih kecil berbanding dengan skop sebenarnya dalam Islam yang jauh lebih komprehensif.

Konsep *Sulh* dalam Islam

Pada dasarnya konsep penyelesaian pertikaian secara damai atau muafakat pihak-pihak tanpa melibatkan institusi pengadilan yang formal seperti mahkamah merupakan amalan tradisi di kalangan anggota masyarakat dan ia telah diamalkan secara meluas di kalangan bangsa-bangsa di dunia. Sejarah juga mencatatkan bahawa semua masyarakat, agama dan bangsa-bangsa di dunia samada Ponisia, Rom, Greek, Hindu, Yahudi, Kristian, Cina dan Muslim menggunakan aturan-aturan agama dan adat dan bukannya sistem mahkamah atau proses litigasi bagi menyelesaikan pertikaian-pertikaian sivil. Campur tangan proses litigasi walaupun perlu hanya setelah penyelesaian secara tidak formal menemui jalan buntu dan keadilan tidak mungkin akan tercapai kecuali melalui proses tersebut (Azhari, 2009).

Dalam sistem kehidupan masyarakat sebelum kedatangan Islam, ketika pada masa itu masih tiada kekuasaan politik dan institusi pengadilan yang formal, adalah menjadi kebiasaan, jika terjadi pertikaian mengenai hak milik, hak warisan dan pelanggaran hukum selain dari pembunuhan maka ia akan diselesaikan dengan bantuan pengantara atau *wasit* yang dilantik oleh pihak-pihak yang bertikai setelah usaha perundingan di antara mereka gagal mencapai penyelesaian. Tidak ada institusi formal yang dibentuk untuk melaksanakan tugas ini. Apa yang jelas perlantikan wasit ini lebih bersifat *ad-hoc*. Oleh kerana sistem sosial pada masa itu didominasi oleh sistem suku atau *kabilah*, maka *wasit* ini yang dikenali pada masa itu sebagai hakam selalunya dilantik dari kalangan ketua suku atau *kabilah*. Setiap suku kaum mempunyai hakamnya sendiri dan mereka yang dilantik mestilah memiliki beberapa kriteria. Di antara kriteria terpenting seseorang hakam ialah berwibawa, adil dengan tidak menyebelahi mana-mana pihak dan paling penting mestilah mempunyai kuasa luar biasa (*supernatural*). Atas dasar inilah, pada umumnya hakam terdiri dari kalangan ahli nujum (*kahin*) (Azhari, 2009).

Sejarah juga jelas memperlihatkan bahawa masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam telah pun mengamalkan *sulh* dalam menyelesaikan pertikaian yang timbul dalam kalangan mereka. Dalam satu kes, Nabi Muhammad SAW sebelum dilantik menjadi Rasul, pernah bertindak sebagai wasit dalam satu pertikaian yang hampir mencetuskan pertumpahan darah di kalangan pembesar Quraish. Peristiwa ini berlaku apabila setiap pihak enggan mengalah dalam menentukan siapa yang berhak meletakkan kembali *hajar al-aswad* ke tempat asalnya. Akhirnya, Nabi Muhammad SAW dipilih untuk menyelesaikan pertikaian tersebut, dan para pembesar Quraish sepakat menerima penyelesaian yang dicadangkan olehnya (al-Buti, 2015).

Dalam Islam, *sulh* adalah merupakan mekanisme perdamaian atau penyelesaian pertikaian alternatif yang diiktiraf dan sangat digalakkan oleh Islam. Perdamaian atau penyelesaian kes secara *sulh* dapat menghilangkan perasaan dendam di antara pihak-pihak yang bertelingkah dan dalam masa yang sama dapat mengikat bahkan mengukuhkan tali persaudaraan di antara pihak-pihak terutamanya jika melibatkan ahli keluarga yang mempunyai hubungan emosi dan persaudaraan. Islam juga telah menganjurkan *sulh* berdasarkan dalil-dalil yang jelas daripada al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' (al-Khin et al., 1998). Penyelesaian secara *sulh* lebih dianjurkan oleh Islam kerana ia menepati konsep keadilan dan keikhlasan pihak-pihak yang mahukan perdamaian (Ramli et al., 2020).

Dalam Islam juga, konsep penyelesaian secara *sulh* telah dibincangkan oleh para fuqahak sebagai satu kaedah penyelesaian pertikaian yang mempunyai peruntukan atau autoriti langsung daripada nas serta dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. *Sulh* digalakkan pelaksanaannya apabila tidak nyata bagi hakim keadaan yang sebenarnya bagi pihak-pihak. Walau bagaimanapun, sekiranya telah nyata sesuatu hukum, hakim hendaklah melaksanakan hukuman kepada yang berhak. Islam juga menjelaskan bahawa *sulh* mempunyai peranan yang cukup luas merangkumi penyelesaian pertelingkahan yang dihadapi di dalam keseluruhan kehidupan manusia dan tidak hanya terhad kepada isu-isu yang melibatkan mahkamah. *Sulh* boleh dilakukan dengan sukarela dengan tidak ada tekanan atau paksaan daripada mana-mana pihak (Hasnizam Hashim et al., 2021). Fuqahak telah membahagikan *sulh* kepada beberapa kategori iaitu *sulh* di antara muslim dengan bukan muslim melalui akad *al-zimmah*, *al-hudnah* dan *al-aman*, *sulh* di antara pemerintah dan pemberontak, *sulh* di antara suami dan isteri jika dibimbangi berlaku *syiqaq* di antara mereka dan jika isteri bimbang terhadap sikap *nusyuz* suami, *sulh* di antara pihak-pihak bertikai mengenai perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan harta seperti *sulh* di antara mangsa/ wali mangsa dengan penjenayah dalam perbincangan *qisas* dan *sulh* dalam muamalat di antara pihak-pihak yang bertikai mengenai harta (al-Ramli, 1984).

Definisi *Sulh* dan Majelis *Sulh*

Menurut Bahasa, *Sulh* diertikan sebagai ‘*Qat’u an-Niza*’ yang bermaksud penamatan kepada pertikaian (Ahmad Kamal al-Din Muhammad bin Abd al-Wahid Ibn al-Hummam, t.th.). Ibnu Manzur di dalam Lisan al-Arab pula menyatakan bahawa *sulh* adalah merupakan kata nama daripada *al-musalahah* yang bermaksud damai (*al-silm*) dan lawan bagi perkataan *al-musalahah* ialah *al-mukhasamah* yang bermaksud saling bermusuhan atau bertikai (Ibnu Manzur, 1990). *Sulh* pada Syarak pula ialah suatu akad bagi menamatkan pertikaian di antara dua pihak yang bertikai (al-Hummam, t.th.) atau suatu akad yang menghasilkan suatu persetujuan atau permuafakatan dan menghilangkan persengketaan (al-Khin et al., 1998).

Daripada sudut pandang mazhab-mazhab yang utama terhadap definisi *sulh*, Fuqahak Mazhab Syafie mentakrifkan *sulh* sebagai akad yang menyelesaikan pertikaian. Fuqahak Mazhab Hanbali pula mentakrifkan *sulh* sebagai akad yang membawa kepada persetujuan bersama antara dua pihak yang bertikai atau akad yang membawa kepada perdamaian antara dua pihak yang bertikai. Sementara itu, Fuqahak Mazhab Maliki memberikan takrif yang agak berbeza iaitu *sulh* selain daripada akad yang menamatkan pertikaian yang telah atau sedang berlaku, juga menamatkan pertikaian yang mungkin akan berlaku (al-Hummam, t.th.).

Berdasarkan definisi yang diberikan, dapat difahami bahawa *sulh* merupakan penyelesaian pihak-pihak yang bertikai berdasarkan persetujuan mereka sendiri dan tiada unsur tekanan atau paksaan daripada pihak lain. Penyelesaian dicapai antara pihak-pihak melalui proses rundingan damai. Ia melibatkan proses rundingan secara terpimpin dengan memberi peluang kepada pihak-pihak yang bertikai mencapai persetujuan bersama tanpa campurtangan pihak ketiga (Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)). Jika pihak plaintif dan defendan tidak dapat bertolak ansur dan mementingkan kepentingan individu, maka *sulh* tidak akan dicapai (Azahari, 2008). Dalam penyelesaian pertikaian melalui mekanisme *sulh* ini juga, terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan selagi mana ia tidak bertentangan dengan hukum syarak (Hashim et al., 2021).


Sulh merupakan keputusan atau hasil daripada satu perdamaian atau persetujuan oleh pihak-pihak yang bertikai atau bersengketa hasil daripada Majelis *Sulh* (Ab. Rahman, 2001). Majelis *Sulh* adalah proses bagi pihak-pihak yang terlibat dalam suatu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di mahkamah syariah dipanggil dan dipertemukan dalam suatu majlis perundingan terpimpin secara rasmi, yang diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu, dan seandainya perdamaian tercapai melalui proses penyelesaian secara *Sulh*, ia kemudiannya akan direkodkan sebagai suatu perintah Mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan biasa (Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)).

Dalam konteks moden pada hari ini, perkataan mediasi digunakan mirip kepada konsep *sulh*. Mediasi bermaksud proses untuk mencapai kata sepakat di antara pihak-pihak yang terlibat dengan dibantu oleh pihak ketiga yang dikenali sebagai mediator (Laurence Boulle & Teh Hwe Hwee, 2000). Berdasarkan Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2016, *Sulh* adalah merupakan penamatan sesuatu pertikaian yang tidak melalui litigasi mahkamah. Dalam erti kata lain, penyelesaian di capai antara pihak-pihak melalui proses rundingan damai. Ia melibatkan proses rundingan secara terpimpin dengan memberi peluang kepada pihak-pihak yang bertikai mencapai persetujuan bersama tanpa campurtangan pihak ketiga (Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)).

Dalil-Dalil Pensyariatan *Sulh*

Kaedah rundingan atau *sulh* bukanlah merupakan perkara baru dalam sistem pengadilan Islam. Kaedah ini telah dipraktikkan sejak sebelum Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai Rasul dan terus menerus dipraktikkan oleh generasi seterusnya. Pelaksanaan *sulh* mempunyai dalil yang jelas daripada al-Quran, al-Sunah dan Ijma’ para ulama (Rujuk Rajah 1).

Rajah 1. Sumber-sumber Pensyariatian *Sulh* menurut Perundangan Islam



Dalil daripada Al-Quran

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' (4) ayat 128:

Terjemahan: Dan jika seorang perempuan bimbang (akan timbul) daripada suaminya nusyuz (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha mendalam pengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan.

(Surah an-Nisa, 4:128)

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' (4) ayat 114:

Terjemahan: Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan daripada orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat kebaikan atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barang siapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah, maka kelak Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.

(Surah An-Nisa, 4:114)

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat (49) ayat 19:

Terjemahan: Dan kalau ada dua golongan dari mereka yang beriman itu berperang hendaklah kamu damaikan antara keduanya, akan tetapi sekiranya salah satu pihak daripada mereka melanggar perjanjian terhadap yang lain, hendaklah yang melanggar perjanjian itu kamu perangi sehingga mereka mematuhi kembali perintah Allah. Dan jika ia sudah kembali patuh, maka damaikanlah antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), dan hendaklah kamu berlaku adil (dalam segala perkara), sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Surah Al-Hujurat, 49:19)

Dalil daripada Sunnah

Di dalam sebuah yang diriwayatkan daripada ‘Amr bin ‘Auf al-Muzani r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: *Sulh* harus antara sesama manusia kecuali *sulh* yang mengharamkan perkara yang halal atau menghalalkan perkara yang haram. Orang Islam selalu diikatkan dengan syarat- syaratnya kecuali syarat yang mengharamkan perkara yang halal dan menghalalkan perkara yang haram.

(Hadith Riwayat al-Tirmizi)

Ijmak para Ulama

Jumhur ulama Islam telah bersepakat tentang pensyariatian *sulh* kerana ia termasuk dalam akad yang boleh mendatangkan faedah kepada seluruh masyarakat. *Ijmak* atau kesepakatan ini adalah bersandarkan kepada dalil daripada nas-nas al-Quran dan al-Hadis seperti yang dikemukakan sebelum ini (Ab. Rahman, 2000).

Sulh yang dibuat dengan kerelaan pihak-pihak akan mendatangkan pelbagai faedah dan juga kebaikan kepada masyarakat ke arah membentuk masyarakat bersatu padu dan aman damai. Pelaksanaan *sulh* akan memudahkan perbicaraan terhadap sesuatu kes tanpa melalui perbicaraan dan hukuman Mahkamah. Dalam erti kata lain, ia merupakan salah satu jalan penyelesaian yang berkesan bagi mengatasi kerumitan dalam proses perundangan (Abdul Hak, 2007). Pelaksanaan *sulh* sebelum sesuatu kes dibawa ke mahkamah akan meringankan bebanan pihak-pihak yang terlibat daripada segi masa dan kos perbelanjaan.

Beberapa Contoh Kes Pelaksanaan *Sulh* dalam Islam

Terdapat banyak kes yang menjadi asas bahawa *sulh* pernah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat dalam menyelesaikan pertikaian. Konflik peletakan *Hajar al-Aswad* jelas memperlihatkan bahawa kaedah *sulh* atau lebih tepatnya Rasulullah SAW sebagai pengantara atau mediator dalam menyelesaikan konflik yang berlaku di kalangan para pembesar Quraisy berjaya diselesaikan dengan harmoni. (Hasnizam Hashim et al., 2021).

Banyak riwayat yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sangat menggalakkan amalan *Sulh* kepada pihak-pihak yang bertikai berbanding menjatuhkan hukuman (Azahari, 2009). Hukuman adalah merupakan pilihan terakhir yang dilaksanakan oleh Baginda Rasulullah SAW sekiranya *sulh* yang dilaksanakan tidak menemui jalan penyelesaian. Diriwayatkan dalam pertikaian di antara al-Zubayr bin al-'Awwam dan seorang lelaki *Ansar* yang menggunakan saluran daripada perigi yang sama bagi mengairi tanah mereka. Plaintiff (al-Zubayr) dalam kes ini mempunyai hak yang sah di sisi undang-undang untuk menggunakan saluran itu secara eksklusif. Rasulullah SAW bagaimanapun mencadangkan *sulh* agar dapat memberikan keadilan kepada kedua-dua pihak. Pihak defendan dibenarkan untuk menggunakan mana-mana akses air daripada tanah plaintiff untuk tujuan pengairan. Namun begitu, selepas defendan menolak penyelesaian secara *sulh*, Rasulullah SAW telah memutuskan hukuman berdasarkan hak-hak plaintiff yang sah di sisi undang-undang (Azahari, 2008; lihat juga al-Bukhari, t.th.).

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, iaitu zaman pemerintahan *Khulafa' al-Rasyidin*, para Sahabat melihat bahawa ijtihad perlu dilakukan apabila hukum untuk suatu persoalan yang muncul dalam masyarakat tidak terdapat di dalam al-Quran atau al-Hadis. Perluasan wilayah kekuasaan Islam membuatkan persoalan hukum semakin banyak dan mencabar kerana perbezaan budaya di negeri dan di daerah masing-masing. Pada zaman Rasulullah SAW, masalah tidak timbul kerana para Sahabat akan merujuk terus kepada Rasulullah SAW sekiranya menghadapi sebarang masalah (Ab. Majid, 1998).

Pada zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar, proses penghakiman secara umumnya tidak banyak mengalami perubahan. Di samping kuasa kehakiman berada pada tangan pemerintah, beliau juga memberikan kuasa kepada para Sahabat untuk bertindak sebagai hakim. Disebabkan kesibukan tugas sebagai khalifah, Saidina Abu Bakar telah melantik Saidina Umar untuk menjadi kadi di Madinah. Diriwayatkan, setelah Saidina Abu Bakar dilantik menjadi khalifah, Abu 'Ubaydah dan Saidina Umar


telah menemui Saidina Abu Bakar. Kata Abu 'Ubaydah: 'Saya akan membantu tuan mentadbir kewangan dan harta'. Manakala Saidina Umar pula berkata: 'Saya akan membantu tuan di bidang kehakiman'. Namun setelah setahun pelantikan Saidina Umar sebagai kadi, tidak terdapat seorang pun yang datang untuk dibicarakan. Berdasarkan riwayat di atas, semasa Saidina Umar melaksanakan tugas-tugas keadilan dan pentadbiran undang-undang, tidak banyak kes yang diselesaikan atau diputuskan. Para sarjana menyimpulkan keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah sikap Saidina Umar yang tegas serta digeruni oleh para sahabat dan yang penting sekali ialah sikap saling bertolak ansur yang dipraktikkan oleh masyarakat Islam Madinah pada masa itu. Kecenderungan ini menunjukkan, walaupun ada pertikaian yang timbul, mereka lebih suka menyelesaikannya secara perundingan sesama mereka daripada mengemukakannya kepada institusi pengadilan formal (Azahari, 2008).

Pada masa pemerintahan Saidina Umar al-Khattab, bagi menjamin pentadbiran kehakiman mencapai matlamatnya, Saidina Umar telah menggariskan beberapa perkara asas dalam pentadbiran kehakiman yang dikenali sebagai *Risalah al-Qada'*. Salah satu prinsip yang dimuatkan dalam risalah tersebut adalah penegasan Saidina Umar tentang keharusan mengadakan *sulh* 'Sulh adalah diharuskan di antara orang Islam, melainkan *sulh* untuk mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram (Azahari, 2008, lihat juga Madkur, 1964). Dalam keadaan ini hakim hendaklah memberikan peluang kepada pihak-pihak yang bertikai untuk mengadakan *sulh*. Namun demikian, *sulh* tidak boleh dilakukan untuk menghalalkan perkara haram dan mengharamkan perkara halal. Polisi yang sama diteruskan oleh Saidina Uthman semasa pemerintahannya. Namun begitu, dalam perkembangan seterusnya, terutama di penghujung pemerintahan *Khulafa' al-Rasyidin* iaitu zaman Saidina Ali, *sulh* telah mencakupi pertikaian dalam bidang politik. Proses inilah yang telah menukar kuasa dan bentuk pemerintahan daripada *Khulafa' al-Rasyidin* kepada sistem pemerintahan dinasti Bani Umayyah (Raihanah Azahari, 2008).

Rukun Sulh

Untuk menentukan kesahan sesuatu akad sulh, beberapa rukun asas perlu dipenuhi. Majoriti ulamak menggariskan empat rukun *Sulh* atau perdamaian (al-Khin et al., 1998) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2:

Rajah 2. Rukun-Rukun *Sulh*



i. Pihak-pihak yang berunding/ingin berdamai

Pihak-pihak mestilah seorang yang *mukallaf*, *baligh* dan berakal. Pihak-pihak ini juga mesti mempunyai kuasa untuk membuat keputusan. Perkara yang ingin diselesaikan juga mestilah tidak menyebabkan kemudaratan yang ketara serta bertentangan dengan undang-undang. Pihak-pihak juga tidak boleh membuat rundingan serta keputusan bagi pihak orang lain tanpa mendapat kebenaran daripada mereka.

ii. *Sighah*

Perlu ada penawaran dan penerimaan persetujuan bersama atau *ijab* (tawaran) dan *qabul* (penerimaan) atau apa juga lafaz atau *sighah* yang boleh memberi pengertian perdamaian atau penyelesaian yang dilakukan secara sukarela.

iii. Hak yang dipertikaikan

Perkara yang ingin didamaikan atau dicapai persetujuan mengenainya mestilah mencakupi hak manusia sama ada dalam bentuk harta seperti wang tunai atau hak bukan harta seperti manfaat, giliran bermalam atau *Qisas*. Walau bagaimanapun, sekiranya perkara yang ingin didamaikan adalah berkaitan dengan hak Allah seperti mengelakkan atau meringankan hukuman bagi kesalahan Hudud, maka rundingan tersebut adalah tidak sah dan tidak terpakai. Selain itu, perkara yang ingin dirundingkan juga mesti di bawah kuasa atau pemilikan pihak-pihak.

iv. Gantian terhadap hak yang dipertikaikan

Untuk membolehkan sesuatu persetujuan boleh dicapai, perlu ada gantian terhadap objek yang dipertikaikan sama ada berbentuk bayaran, pampasan, hak melakukan sesuatu seperti hak melawat dalam isu berkaitan hak hadanah. Gantian atau pertukaran ini perlu mengikut syarat seperti berikut:

- i. Ia mestilah sesuatu yang diboleh atau dibenarkan syarak.
- ii. Gantian atau pertukaran ini mestilah sesuatu yang dimiliki oleh pihak-pihak berkaitan.
- iii. Gantian atau pertukaran ini mestilah sesuatu yang dimaklumi dan diperakui oleh pihak-pihak berkaitan.

Pelaksanaan *Sulh* di Alam Melayu

Sejarah menyaksikan bahawa *sulh* telah pun di amalkan di dalam masyarakat Melayu sejak sebelum kedatangan penjajah lagi. Masyarakat Melayu pada ketika itu mengaplikasikan kaedah rundingan dalam menyelesaikan pertikaian khususnya dalam perkara yang melibatkan masalah kekeluargaan. Dalam menyelesaikan konflik yang berlaku, individu yang dihormati seperti ketua kampung, imam dan kadi setempat biasanya akan berperanan sebagai mediator atau pengantara bagi menyelesaikan pertelingkahan tersebut. Pertikaian-pertikaian yang dirujuk bukan hanya terbatas kepada masalah kekeluargaan bahkan merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan jual beli, hutang piutang, upahan, sewaan dan pinjaman (Raihanah Azahari, 2008). Dalam erti kata lain, konsep *sulh* telah diterima sebagai sebahagian daripada tradisi dan adat yang diwarisi daripada ajaran Islam yang menekankan tentang pentingnya keadilan dan keharmonian sosial. Walau pun kedatangan penjajah telah mengubah sedikit sebanyak landskap undang-undang tempatan, namun elemen *sulh* terus kekal dipelihara dan disesuaikan dalam sistem perundangan selepas kemerdekaan, sehingga menjadi sebahagian penting daripada penyelesaian pertikaian dalam sistem perundangan syariah di Malaysia pada hari ini.

Pelaksanaan *Sulh* dalam Sistem Perundangan Syariah di Malaysia

Perundangan Syariah di Malaysia merujuk kepada sistem perundangan yang mengatur hal-hal berkaitan dengan hukum Islam dan dijalankan oleh Mahkamah Syariah. Perundangan ini mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan peribadi dan keluarga umat Islam, seperti perkahwinan, perceraian, penjagaan anak (*hadhanah*), nafkah, pembahagian harta pusaka (*faraid*) (Bidang kuasa Mal), dan kesalahan jenayah syariah tertentu (Bidang kuasa Jenayah). Perundangan Syariah di Malaysia dikuatkuasakan oleh negeri masing-masing, kerana hal-hal berkaitan Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri menurut Perlembagaan Persekutuan. Setiap negeri memiliki akta/ enakmen atau undang-undang Syariahnya sendiri, dan sultan atau raja di negeri-negeri tersebut bertindak sebagai ketua agama Islam.

Sejarah pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah di Malaysia bermula dengan langkah-langkah awal pada tahun 1970-an apabila jawatan Pegawai Penasihat Wanita diwujudkan di Jabatan Agama Islam negeri-negeri untuk membantu Kadi dalam proses pra perbicaraan. Ini merupakan dimensi awal dalam mempromosikan penyelesaian pertikaian secara damai dan adil, selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Menjelang tahun 1990-an, *sulh* mula diperuntukkan dalam Kanun Acara Mal negeri-negeri, menunjukkan penerimaan dan pengiktirafan formal terhadap mekanisme *sulh* dalam sistem perundangan Syariah di negara ini.

Perkembangan signifikan berlaku pada tahun 2001 apabila Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Kebangsaan menggubal Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Mahkamah Syariah bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, diikuti dengan pewujudan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Sulh di Selangor pada tahun yang sama. Pelaksanaan *sulh* diperkukuhkan dengan projek rintis pada 17 November 2001 di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seterusnya, pada tahun 2002, Unit Sulh ditubuhkan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri, dan pengambilan Pegawai Sulh mula dijalankan di negeri-negeri gunasama. Langkah-langkah ini memperlihatkan transformasi atau perubahan penting dalam usaha mempromosikan penyelesaian pertikaian secara aman, mempercepatkan proses penyelesaian kes, dan mengurangkan beban kes yang tertunggak di mahkamah syariah.

Pada tahun 2008, Seksyen Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah diwujudkan dan berperanan untuk mengawal selia dan memantau perjalanan kes-kes *sulh* di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Tugas utama seksyen ini termasuk menyelia statistik bulanan kes, memastikan kelancaran pengurusan kes, mengadakan Mesyuarat Ketua-Ketua Sulh, serta mengumpul dokumen-dokumen berkaitan seperti statut dan arahan amalan. Seksyen ini juga menjalankan kolaborasi dengan Mahkamah Syariah melalui lawatan kerja, menganjurkan program Outreach Sulh untuk kesedaran awam, bertindak sebagai urus setia mesyuarat *Think Tank Sulh*, dan mengadakan Muzakarah atau *Retreat* Pegawai Sulh bagi memastikan prosedur *sulh* diperkukuhkan dan berjalan dengan efisien di seluruh negara.

Dalam memastikan pelaksanaan *sulh* yang berkesan dan sistematik di Mahkamah Syariah, kaedah-kaedah *sulh* telah digubal bagi setiap negeri berdasarkan kepada keperluan tempatan dan struktur pentadbiran masing-masing, dengan mempertimbangkan garis panduan serta resolusi yang dikeluarkan oleh badan-badan berautoriti seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Kebangsaan. (Kaedah-kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Negeri-negeri).

Selain daripada itu, Arahan Amalan berkaitan Sulh juga telah diwujudkan. Arahan amalan berkaitan sulh berfungsi sebagai panduan dan prosedur rasmi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa perundangan Syariah untuk memastikan pelaksanaan proses *sulh* dijalankan dengan teratur, efisien, dan selaras dengan prinsip-prinsip keadilan Islam. Peranan utama arahan ini termasuk memberikan garis panduan kepada Pegawai Sulh dan pihak mahkamah tentang cara mengendalikan sesi *sulh*, memastikan konsistensi dalam pelaksanaan, serta mengawal selia amalan sulh agar memenuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Arahan amalan yang berkaitan dengan *sulh* melibatkan aspek seperti proses pra perbincangan, tatacara pelaksanaan *sulh*, peranan Pegawai Sulh, pengendalian kes yang melibatkan penyelesaian damai, dan prosedur rekod serta laporan hasil sesi *sulh*. Antaranya ialah arahan amalan yang menetapkan prosedur perbincangan, kaedah merekodkan persetujuan yang dicapai, serta peraturan yang memastikan kes-kes *sulh* dapat diuruskan dengan adil dan cekap. Arahan-arahan ini memastikan pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah selari dengan objektifnya untuk mempercepatkan proses penyelesaian pertikaian dan mempromosikan perdamaian antara pihak-pihak yang terlibat (Arahan Amalan No.3 Tahun 2002).

Pada 17 Julai 2002, Manual Kerja Sulh dikeluarkan sebagai dokumen panduan penting bagi memperincikan prosedur dan tatacara pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah Malaysia. Manual ini menyediakan panduan komprehensif kepada Pegawai Sulh dan pegawai berkaitan dalam melaksanakan sesi *sulh* secara efisien dan selaras dengan prinsip keadilan Islam. Ia merangkumi persediaan sebelum sesi, kaedah perbincangan, peranan pihak terlibat, serta cara mendokumentasikan hasil dan persetujuan. Manual ini mempromosikan konsistensi dan ketelusan dengan menetapkan prosedur, panduan komunikasi berkesan, pengurusan dokumen, dan langkah mengatasi halangan, memastikan sesi *sulh* berjalan lancar, adil, dan memenuhi objektif perdamaian dalam sistem perundangan Syariah (Manual Kerja Sulh 2002).

Kes-Kes yang boleh dirujuk ke Majlis Sulh

Arahan Amalan JKSM 1/2010 (Penentuan Kes Yang Perlu Dirujuk Ke Majlis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kes) menyatakan bahawa kes-kes yang dinyatakan di bawah ini perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah. (Arahan Amalan JKSM 1/2010).

- 009 - Tuntutan Ganti rugi Pertunangan
- 016 - Tuntutan Muta'ah
- 017 - Tuntutan Harta Sepencarian
- 018 - Tuntutan Nafkah Isteri
- 019 - Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
- 020 - Tuntutan Cagaran Nafkah
- 021 - Tuntutan Nafkah Eddah
- 022 - Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah
- 023 - Tuntutan Tunggakan Naftah
- 024 - Tuntutan Nafkah Anak
- 025 - Tuntutan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak
- 026 - Tuntutan Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak
- 028 - Tuntutan Hadhanah
- 049 - Tuntutan Gantirugi Perkahwinan
- 059 - Tuntutan Hak Tempat Tinggal
- 060 - Tuntutan Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula
- 062 - Tuntutan Isteri Kembali Taat
- 063 - Tuntutan Mas Kahwin

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 menetapkan bahawa kes-kes yang berpotensi diselesaikan melalui rundingan dan persetujuan bersama antara pihak-pihak bertikai boleh dirujuk ke Majlis Sulh sebelum dibawa ke perbicaraan penuh di mahkamah. Pendekatan ini bertujuan untuk mempromosikan penyelesaian yang cepat, kos efektif, dan damai, sesuai dengan prinsip perdamaian dalam undang-undang Syariah.

Kesimpulan

Pertikaian dan perselisihan adalah merupakan perkara lumrah yang berlaku dalam kehidupan manusia. Sejarah perundangan telah memperlihatkan wujudnya pelbagai kaedah bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku ini. Islam telah mengetengahkan *Sulh* sebagai satu kaedah bagi menegakkan keadilan dan menyelesaikan pertelingkahan dan ia mempunyai dalil pencyariatan yang jelas daripada nas al-Quran dan al-Hadis. Pelaksanaannya juga telah dilihat dengan jelas pada masa Rasulullah SAW sendiri dan zaman pemerintahan *Khulafa' al-Rasyidin*. Melalui kaedah *sulh*, permasalahan yang menjadi pertikaian di antara pihak-pihak akan diselesaikan melalui persetujuan damai di antara mereka tanpa perlu melalui proses litigasi yang rumit serta memakan masa dan kos. *Sulh* yang dianjurkan dalam Islam sangat luas dan boleh diamalkan dalam kebanyakan pertikaian selagi mana ia tidak bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang. Pelaksanaan *sulh* di Malaysia, bukanlah sesuatu yang baru. Ia telah dilaksanakan sejak sebelum zaman penjajahan lagi dan terus menerus dilaksanakan sehingga ke hari ini. Pengaplikasiannya dalam sistem perundangan syariah di Malaysia menyediakan penyelesaian alternatif melalui majlis atau kaedah *Sulh*. Walau bagaimanapun, aplikasi *sulh* yang di amalkan hanya tertumpu kepada penyelesaian pertikaian keluarga sahaja berbanding skop sebenarnya yang jauh lebih luas. Pelaksanaannya pada ketika ini, walaupun ia hanya membabitkan penyelesaian pertikaian dalam aspek undang-undang keluarga Islam, turut tetap dipandu oleh peruntukan perundangan yang sistematik dan sentiasa perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

Rujukan

- Al-Quran.
- Adzidah, Y., Zakaria, M. Z., Ahmad, A., Mohd, K. W., & Ab. Halim, M. A. (2016). *Pengenalan dan keberkesanan Sulh di Mahkamah Syariah*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Bukari, A. A. M. I. (n.d.). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Hadharah.
- Al-Buti, M. S. R. (2015). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah ma'a Mujiz li tarikh al-Khilafah al-Rasyidah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Hummam, A. K. A. M. A. I. (n.d.). *Takmilah Syarh Fath al-Qadir ala-al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi li al-Marghinani* (Vol. 8). Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Syarbaji, A. (1988). *Al-Fiqh al-Manhajiyy* (Vol. 3). Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Ramli, M. A. B. H. S. (1984). *Nihayat al-Muhtaj* (Vol. 4). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000 (Kod Pendaftaran Kes). (2000). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 (Penentuan Kes yang perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada Peringkat Pendaftaran Kes). (2010). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002. (2002). *Pemakaian Sulh*. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Azahari, R. (2008). *Sulh dalam Kes Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azahari, R. H. (2009). Sulh dalam Perundangan Islam. In N. Mohd Zin et al. (Eds.), *Undang-Undang Keluarga dan Prosedur* (pp. xx–xx). Gombak, Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam.
- Boulle, L., & Hwee, T. H. (2000). *Mediation: Principles, Process and Practice*. Singapore: Butterworth Asia.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 11/03).
- Hak, N. A. (2007). Sulh dan Hakam dalam Penyelesaian Kes Keluarga. In N. M. Z. et al. (Eds.), *Undang-Undang Keluarga Islam* (1st ed., Vol. 14, pp. xx–xx). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnizam, H., Maizatul Farishah, M. M., & T'chiang, N. Z. C. J. (2021). Mekanisme Pelaksanaan Majlis Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. In *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hassan, K. H. (2010, November 2–3). Peranan Konsiliasi, Mediasi dan Timbang Tara dalam Penyelesaian Pertikaian Perusahaan: Pendekatan Islam dan Sivil. Paper presented at the *Seminar Syariah dan Undang-Undang Peringkat Kebangsaan (SYUK) 2010*, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibnu, M. (1990). *Lisan al-Arab* (Vol. 2). Beirut: Dar Sadir.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2000). Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000 (Kod Pendaftaran Kes).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2002). Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002 (*Pemakaian Sulh*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2003). Arahan Amalan No. 7 Tahun 2003 (*Cara Menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai Sulh*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2003). Arahan Amalan No. 8 Tahun 2003 (*Prosedur Penyerahan Notis Sulh*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2005). Arahan Amalan No. 11 Tahun 2005 (*Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Merekodkan Sulh dan Persetujuan Bersama*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2006). Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006 (*Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2010). Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 (*Penentuan Kes yang perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada Peringkat Pendaftaran Kes*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2011). Arahan Amalan No. 4 Tahun 2011 (*Kesan Perjanjian Sulh*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2015). Arahan Amalan 2015 (*Penyeragaman Proses Kerja dan Carta Aliran Sulh di JKSN/MSN seluruh Malaysia*).

- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2015). Arahan Amalan No. 5 Tahun 2015 (*Penyerahan Notis Sulh secara Akuan Penerimaan Pos Berdaftar (A.R. Registered)*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (*Pekeliling Ketua Hakim Syarie: Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh*).
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. (2016). *Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan*.
- Madkur, M. S. (1964). *Al-Qada' fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah.
- Rahman, S. G. A. (2000). Sulh dan Hakam dalam Undang-Undang Keluarga Islam. In A. M. Yaacob (Ed.), *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara Asean* (pp. xx–xx). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Rahman, S. G. H. A. (2001). Penyelarasan Kaedah Majlis Sulh. *Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, 14(1), 1–7.
- Zuhdi, M. A. M. (1998). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.